

yang terkenal di Perak telah membidas pemuda-pemudi yang menjadi anggota-anggota Persatuan Belia kerana kebanyakannya telah terpesong jauh dari undang-undang syarak dengan melakukan sesuatu mengikut sekehendak hatinya sendiri.

“Semakin banyak Persatuan Belia ditubuhkan dan bertambah ramainya pula muda-mudi persatuan itu dihantar dalam kursus-kursus maka bertambah-tambah pula perkara yang merugikan masyarakat dilakukan mereka itu.” katanya.

Kebimbangan yang serupa ini, menurut pendapat kita, umum ada di mana-mana dan untuk menjauhkan yang serupa ini – membaikinya – tidak akan dapat dengan bidas-membidas sahaja tetapi sangat mustahak dan sangat utama dicari punca-punca yang menerbitkan galakan itu, di dalam jabatan-jabatan yang berkenaan dengan perkembangan di dalam mengalirkan atau mengarahkan pemuda-pemudi. Yang demikian ini umum adanya di mana-mana – dari bandar membawa ke kampung-kampung sehingga akhlak kampung bertukar corak daripada keasliannya kepada meniru akhlak-akhlak yang bertentangan dengan syarak.

Agama rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu ialah agama Islam. Tiap-tiap negeri di dalam Persekutuan Tanah Melayu mempunyai jabatan-jabatan agama masing-masing yang mengelola adat istiadat Melayu dan agama Islam. Suatu kementerian mengenai pemuda dan sukan ada di dalam kerajaan yang agama rasminya agama Islam. Kementerian Pemuda dan Sukan itu, sepanjang yang kita dengar dan lihat, adalah dialirkan tidak dengan wajarnya mengikut dasar agama rasmi kerajaan Malaysia itu bahkan nampaknya pelaksanaan mengenai hal ehwal pemuda yang beragama Islam dialirkan jauh daripada mengutamakan adat istiadat Melayu dan agama Islam bahkan nampaknya tidak langsung pun ada dibuat hubungan-hubungan membentuk mereka itu dengan pengertian-pengertian untuk mencenderungkan mereka kepada adat istiadat dan agama mereka.

Kita tidak mengetahui apa tujuannya diadakan

kementerian itu – adakah hanya untuk merapatkan hubungan di antara berbagai bangsa sahaja dan tidak mengambil bahagian menggalakkan golongan-golongan itu cinta kepada adat istiadatnya dan agamanya. Jika ketiadaan yang demikian ini maka bolehlah dipandang adanya kementerian itu bakal mendatangkan keruntuhan akhlak dan budi pekerti pemuda-pemuda Islam dan jika sangkaan yang demikian benar atau mungkin terjadi maka sudah wajarnya anggota-anggota Parlimen Malaysia yang masih cintakan agamanya menegur kementerian itu dengan jalan-jalannya yang sedikit demi sedikit mungkin merosakkan akhlak pemuda-pemuda Islam yang bakal mengambil tempat orang-orang yang ada sekarang di dalam masyarakatnya.

Penjelasan-penjelasan yang jitu patut dituntut supaya umat Islam mengetahui ke mana mereka dibawa – membina akhlak Islam yang mulia atau meruntuhkannya dengan tidak disedari. Mudah-mudahan ada anggota-anggota Parlimen – terutamanya golongan Islam mengemukakan persoalan yang serupa ini supaya umum mengetahui ke mana pemuda-pemuda Islam akan dibawa.

\* \* \*

### **Jamiah Dengan Jawatankuasa Pengkaji**

#### **Rang Undang-undang Pertadbiran Islam 1965**

Pada penghujung tahun 1963 Jamiah telah melantik suatu jawatankuasa mengkaji Rang Undang-undang Pertadbiran Islam dan jawatankuasa itu terdiri bukan sahaja dari anggota Jamiah tetapi juga yang bukan dari anggotanya seramai 22 orang. Jawatankuasa ini bersidang mulai dari 13 Januari 1964 sehingga 26 Mei 1964 di dalam sidang sebanyak 24 kali dan pindaan-pindaan jawatankuasa itu telah disahkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Jamiah yang bersidang pada 27 Mei dan 3 Jun 1964 dan dihantarkan kepada Majlis Penasihat Islam kerajaan Singapura pada 8 Jun 1964.

Apabila rang undang-undang itu dikemukakan ke dalam Parlimen pada penghujung tahun 1965 setelah bacaan yang kedua dibawa kepada Jawatankuasa Pilihan (*Select Committee*) maka Jamiyah di dalam sidanganya pada 28 Januari 1966 telah melantik Jawatankuasa Kecil yang lain seramai 5 orang untuk menyemak rang undang-undang itu dengan pindaan-pindaan yang dikemukakan kepada Majlis Penasihat Islam pada 8 Jun 1964 itu.

Ada sungutan-sungutan timbul daripada ahli-ahli Jawatankuasa Kecil yang dilantik Jamiyah yang seramai 22 orang itu kerana mereka terasa dikebelakangkan dan mereka berasa lebih berhak untuk menyemaknya semula, bagi pihak Jamiyah – tidak Jamiyah melantik jawatankuasa yang baharu itu akan mengubah di dalam pindaan-pindaan yang dikemukakan mereka terutamanya di dalam perkara-perkara yang berhubung dengan hukum-hukum syarak.

Apa yang ditakuti oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik itu memang pada tempatnya kerana mungkin apa-apa yang mereka kehendaki, bukan ditolak oleh kerajaan tetapi mungkin oleh jawatankuasa baharu yang terdiri dari 5 orang itu sendiri dan dengan itu tidak ada ertinya pindaan-pindaan yang dikemukakan oleh Jamiyah jika tidak meliputi kehendak jawatankuasa 22 orang dan, jika melihat nama-nama anggota yang 5 orang itu sudah terang tidak akan dapat dipercayakan mewakili maksud jawatankuasa yang 22 orang itu.

Selain daripada yang demikian, menurut punca-punca yang dipercayai, Jawatankuasa Jamiyah yang melantik 5 orang itu dan membelakangkan 22 orang itu, telah memberi tugas kepada jawatankuasa yang 5 orang itu supaya bersefahaman dengan Naib Yang Dipertua Jamiyah, Dr. Haji Ahmad bin Mohamed Ibrahim yang menjadi Peguam Agung yang menggubal rang undang-undang itu. Ini lebih mengkhawatirkan lagi kerana mungkin dalam persefahaman itu banyak perkara yang mungkin

ada di antaranya harus bertentangan dengan hukum-hukum Islam.

Khabarnya ada banyak perkara di dalam “bersefahaman” itu yang fikiran 22 orang itu ditolak begitu sahaja. Khabarnya di dalam perkara bahagian 98(3) yang mengandungi di dalamnya bahawa sesuatu perceraian *ruj' iyyah*, kadi tidak akan mendaftarkannya melainkan setelah berpuas hati bahawa kedua-dua pihak telah bersetuju. Jawatankuasa 22 orang berpendapat, persetujuan antara perceraian yang demikian dari seorang isteri, dipandang boleh menimbulkan bermacam-macam kesusahan kedua-dua belah pihak dan tidak diharuskan oleh hukum syarak dan syarat pendaftaran yang demikian ini mestilah ditiadakan.

Menurut syarat perceraian itu dengan dua – Pertama, dengan lafaz yang sarih dan kedua, dengan lafaz *kināyah* (sindiran). Apabila seseorang suami melafazkan lafaz yang sarih dengan katanya: “Aku talak engkau atau aku ceraikan engkau” maka gugurlah talak isteri itu dengan serta-merta sama ada dengan niat atau tidak niat. Apabila yang demikian ini diberi bersyarat dengan persetujuan isteri maka bermakna talak yang gugur itu ditahan untuk diadakan penyiasatan dan mungkin makan berbulan-bulan dan apabila sudah lewat masa idahnya tak dapat tiada akan menimbulkan lagi kerumitan kerana dengan talak itu sudah putus hubungan tidak boleh berbalik lagi melainkan dengan nikah dan selain dari itu nafkah yang berjalan tidak didapat oleh isteri dan yang berbahaya sekali jika suami telah meninggal, jika ia berharta maka menurut syarat undang-undang negeri, isteri berhak mewarisi dan waris-waris yang lain teraniaya. Juga jika kadi kurang siasat dirujukkannya kedua belah pihak padahal sudah lewat masanya dan bercampurlah mereka dengan tidak menikah – ertinya hidup dengan berzina.

Kalau perkara-perkara syarak seumpama ini diluluskan maka yang demikian tentu tidak akan diterima oleh umat Islam dan